



HANAFI Khamis (kanan) dan Lim Chin Wei bersama pingat Anugerah Diraja yang diterima pada Konvokesyen UTHM Ke-6 di Batu Pahat, Johor, semalam.

UM 3/9/07

## Hanafi, Chin Wei pelajar terbaik UTHM

BATU PAHAT 2 Sept. - Memberi tumpuan sepenuhnya ketika kuliah adalah formula utama kejayaan Hanafi Khamis, 23, sehingga meraih Anugerah Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Konvokesyen Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Ke-6, dekat sini hari ini.

Dia yang mengakui bukan pelajar pintar ketika di sekolah menengah dahulu, memegang azam dan tekad yang kuat untuk berjaya cemerlang setelah terpilih memasuki Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan.

Dari situ, katanya, dia sedar betapa ilmu itu amat penting untuk jaminan hidup pada masa akan datang dan sekaligus menjadikan semangatnya berkobar-kobar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Berasal dari Merlimau Melaka, Hanafi merupakan siswa yang aktif

dalam aktiviti kokurikulum sebagai penari, pemain muzik dan pendebat di UTHM.

"Saya sebenarnya tidak menyangka akan menerima anugerah ini dan ia membuatkan saya lebih bertekad untuk maju pada masa akan datang dan bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi," ujarnya.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional ini berkata, aktiviti tarian banyak memberinya kecergasan dan membuka minda dalam setiap apa yang dipelajari.

Kini dia sedang menanti panggilan dari Kementerian Pelajaran ke mana dia akan dihantar untuk mengajar.

Seorang lagi penerima Anugerah Diraja ialah Lim Chin Wei, pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Pembinaan) yang ki-

ni bertugas dengan sebuah syarikat swasta di Dubai sebagai jurutera awam.

Chin Wei berkata, dalam mengulang kaji pelajaran dia lebih suka belajar secara kumpulan kerana ia dapat mendatangkan idea dan buah fikiran serta bertukar-tukar pendapat.

Baginya, dia berpegang kepada prinsip ingin berusaha bersungguh-sungguh supaya segala yang diimpikan tercapai dan sentiasa memberi tumpuan sepenuhnya ketika kuliah.

Tambahnya, perhatian yang sewajarnya terhadap pelajaran adalah perlu agar dapat memahami setiap apa yang diajar dan kemudian berbincang bersama kawan-kawan.

Chin Wei menambah, anugerah yang diterimanya hari ini adalah sebagai penggalak untuknya mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa akan datang.